

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan guru-guru yang akan dinaikkan pangkat atau gred mesti mengikuti kursus-kursus tambahan seperti bidang pengurusan, kewangan atau lain-lain bidang selain dari bidang yang mereka terlibat dalam tugas mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam menyediakan peluang kenaikan pangkat untuk guru. Kenaikan pangkat guru adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP). Pada masa ini, urusan kenaikan pangkat guru sama ada melalui pemangkuan atau kenaikan secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) tidak terikat dengan syarat lulus kursus tertentu kecuali bagi jawatan berikut:

- i) Pegawai Gred Utama C diwajibkan mengikuti dan lulus Kursus ALMP (Advanced Leadership and Management Programme) anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam; dan

- ii) Guru Cemerlang dan Pensyarah Cemerlang Gred Khas C diwajibkan mengikuti dan lulus Kursus Pengupayaan Guru Cemerlang/Pensyarah Cemerlang Gred Khas C anjuran Institut Aminuddin Baki.

Walau bagaimanapun, bagi urusan penempatan ke jawatan Pengetua dan Guru Besar, KPM telah mewajibkan calon untuk mengikuti dan lulus Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) anjuran Institut Aminuddin Baki. Program ini diwajibkan supaya pentadbir sekolah mempunyai kompetensi dalam aspek kepimpinan, pengurusan dan kewangan.

Selain itu, guru turut berpeluang untuk mengikuti pelbagai program kursus dan latihan yang ditawarkan oleh KPM. Guru dan warga KPM perlu memenuhi bilangan hari latihan sekurang-kurangnya 5 hari setahun berdasarkan ketetapan Panel Pembangunan Sumber Manusia Latihan (PPSML) KPM. Kursus yang diikuti oleh guru dan warga KPM adalah selaras dengan objektif untuk menjadikan KPM sebagai sebuah organisasi pembelajaran yang cemerlang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Sehingga kini, KPM akan meneruskan dasar semasa kenaikan pangkat guru tanpa mewajibkan kursus tambahan. Oleh yang demikian, KPM tidak bercadang untuk mewajibkan guru untuk mengikuti kursus-kursus tambahan selain dari bidang yang mereka terlibat dalam tugas mereka.